



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

FAKTA AUDIT

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH MAJLIS AMANAH RAKYAT MARA Corporation Sdn. Bhd. MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc)

Skop Pengauditan	Rumusan Audit
<p>Pengauditan dijalankan terhadap aktiviti pengurusan harta tanah bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023.</p> <p>Pengauditan ini juga melibatkan sembilan elemen amalan terbaik tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022.</p>	<p>MARA Inc telah melaksanakan aktiviti pengurusan harta tanah selaras dengan objektif penubuhannya namun objektif ini belum tercapai sepenuhnya. Pelaksanaan aktiviti kurang cekap sehingga menyebabkan kedudukan kerugian terkumpul sebanyak RM286.30 juta. Tunggakan pinjaman daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) pula memberi impak kepada kedudukan liabiliti semasa bersih syarikat. Keadaan ini mengakibatkan MARA Inc tidak berupaya untuk membayar dividen kepada pemegang saham sejak tahun 2014.</p>
<p>Kenapa Perlu Diaudit</p> <p>MARA Inc menerima suntikan modal RM301.20 juta dan pinjaman RM199.70 juta daripada MARA.</p> <p>Setakat tahun 2023, MARA Inc memiliki pegangan saham langsung dalam lima syarikat subsidiari berjumlah RM159.14 juta.</p> <p>Kumpulan MARA Inc memiliki dua harta tanah di Australia dan satu harta tanah di United Kingdom dengan kos pembelian berjumlah RM284 juta.</p>	<p>Penemuan Audit</p> <ul style="list-style-type: none">Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama tidak konsisten antara 55% hingga 94.6%.Pulangan pelaburan harta tanah meningkat pada tahun 2023 berbanding 2020.Kos pelaburan dalam lima syarikat subsidiari pada tahun 2022 mengalami penjejasan nilai terkumpul RM87.18 juta (54.8%).Kedudukan kewangan syarikat subsidiari kurang stabil kerana empat syarikat mengalami defisit dalam pegangan saham.Hanya RM28.12 juta (7.3%) dividen dibayar daripada pelaburan RM382.94 juta dalam syarikat subsidiari.Kedudukan kewangan Kumpulan MARA Inc kurang stabil kerana defisit pemegang saham dan liabiliti semasa yang tinggi.Hanya RM2.88 juta dividen dibayar oleh MARA Inc kepada MARA pada tahun 2012 dan 2013.Pengurusan penyerahan operasi harta tanah kurang cekap kerana tiada serahan dokumen yang lengkap berkaitan harta tanah.Lima daripada sembilan elemen amalan tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya. <p>Syor Audit</p> <p>Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan MARA hendaklah meningkatkan pemantauan menyeluruh terhadap pencapaian prestasi syarikat subsidiari termasuk MARA Corp dan MARA Inc.</p> <p>MARA Inc perlu menyemak semula objektif dan pelaksanaan aktiviti utama dalam pengurusan harta tanah yang menguntungkan dan memberi pulangan kepada MARA Corp.</p>

	<p>MARA Inc perlu menambah baik pengurusan dan pemantauan perjanjian pengurusan harta tanah dengan pihak penyewa dan operator untuk menjamin kepentingan syarikat subsidiari dan MARA Inc.</p> <p>MARA perlu memastikan penyelarasan tadbir urus korporat di peringkat MARA Corp dan syarikat subsidiarinya selaras dengan amalan terbaik yang disarankan.</p>
--	--